

Kanak-kanak korban terbaru H1N1

BH 26/8/09 M155

Jumlah kematian akibat selesma babi meningkat 70



<http://h1n1.moh.gov.my>

Oleh Sazarina Shahrin
sazarina@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang kanak-kanak berusia tiga tahun menjadi korban terbaru wabak Influenza A (H1N1), semalam, menjadikan jumlah kematian akibat penyakit itu meningkat kepada 70 orang di seluruh negara.

Kanak-kanak itu mendapat rawatan awal pada 12 Ogos lalu selepas mengalami demam sawan dan batuk selama dua hari. Bagaimanapun, keadaan beliau semakin tenat dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) pada 13 Ogos lalu dan rawatan antiviral Tamiflu diberikan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Ismail Merican dalam kenyataannya menyebut, hasil ujian makmal mendapati kanak-kanak itu positif H1N1 pada 17 Ogos dan meninggal dunia keesokan harinya.

Selain itu, katanya, sehingga jam 9 pagi semalam, seramai 202 pesakit yang sedang

menerima rawatan di 82 hospital seluruh negara, disahkan positif H1N1.

“Dari 202 kes yang disahkan H1N1, 42 kes berada di ICU. Daripada 42 kes itu, 38 kes (95 peratus) mempunyai faktor risiko iaitu penyakit kronik seramai 15 orang, obesiti (sembilan), diabetes (enam), kanak-kanak/bayi (tiga), hamil/selepas bersalin (tiga) dan Sindrom Down (dua),” katanya.

Beliau juga menggesa ibu bapa supaya mengawasi pergerakan anak dan menghalang mereka daripada berkunjung ke tempat sesak seperti bazar Ramadan, rumah ibadat, majlis keramaian, majlis buka puasa atau pusat beli-belah, stesen pengangkutan awam dan pawagam, dalam tempoh cuti sekolah ini.

“Ibu bapa mesti bertanggungjawab memastikan anak yang tidak sihat dan demam atau batuk supaya tidak berada di tempat awam, atau menjarakkan diri daripada orang awam, begitu juga mereka yang mempunyai gejala influenza-like illness (ILI),” katanya.

Selain itu, beliau berkata, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai akan mengadakan sesi dialog dengan pentadbir hospital dan klinik swasta bagi memberi garis panduan yang lebih jelas kepada mereka dalam mengendalikan rawatan dan kes H1N1, Khamis depan di kementerian itu.